

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
(PARIT)**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah Kementerian melihat calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempunyai waktu mencukupi untuk melakukan persiapan sebelum menduduki peperiksaan SPM menjelang Februari 2022; dan
- (b) adakah terdapat sebarang bentuk penilaian keadaan pelajar yang mengambil peperiksaan dalam persekitaran pandemik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti mana kebiasaan.

Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi persekolahan ini membolehkan pentadbir sekolah dan guru melaksanakan intervensi, pengukuhan dan pengayaan secara intensif termasuklah kepada calon peperiksaan SPM 2021.

Apabila sekolah dibuka mulai 3 Oktober 2021, calon peperiksaan juga diberi keutamaan mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di sekolah bagi memberi peluang kepada mereka membuat persediaan rapi sebelum menduduki peperiksaan.

KPM turut menyediakan rancangan dalam TV Pendidikan khusus untuk calon peperiksaan SPM. *Road to Success* dan SUKSES SPM 2021 adalah antara rancangan yang berfokus kepada mata pelajaran SPM bagi membantu calon meningkatkan penguasaan kandungan kurikulum.

KPM juga membangunkan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) sebagai pusat rujukan sehenti yang mengandungi pelbagai aplikasi, perkhidmatan dan sumber pendidikan digital seperti buku teks digital, video pendidikan, kuiz dan permainan pendidikan bagi tujuan PdP untuk kegunaan calon, guru dan ibu bapa.

Bagi membantu calon yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru turut mengambil inisiatif untuk menyediakan modul PdP dan membuat serahan bahan tersebut kepada calon.

## **SOALAN NO : 28**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 dan persediaan calon peperiksaan sebelum menetapkan tarikh peperiksaan SPM 2021 pada Mac 2022. Bagi memastikan keselesaan, kesejahteraan dan keselamatan calon semasa menduduki peperiksaan, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam yang terkandung dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0. Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pentadbir dan guru di sekolah, ibu bapa serta pihak yang terlibat dalam pengoperasian sekolah.

KPM yakin bahawa usaha ini memberi ruang dan peluang kepada calon untuk melakukan persediaan rapi termasuk aspek emosi sebelum menduduki peperiksaan dalam keadaan yang selesa dan bersedia sepenuhnya.